

Pengaruh dan Sumbangan Haji Mat Litar dalam Pengajaran Qiraat Warsy di Terengganu

[The Influence and Contribution of Haji Mat Litar in Teaching Qiraat Warsy in Terengganu]

BITARA

Volume 6, Issue 1, 2023: 124-131
© The Author(s) 2023
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>
Received: 12 January 2023
Accepted: 24 February 2023
Published: 19 March 2023

Nor Hafizi Yusof,¹ Nur Aina Nabilah Ahmad Aiman,¹ Felza Zulhibri Abdul Hamid² & Muhamad Fadlly Ismail³

1 Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, MALAYSIA. e-mail: nhafizi@unisza.edu.my

2 Centre For Languages And Pre-University Academic Development, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) Kampus Kuantan, Paya Besar, 26300 Gambang, Pahang, MALAYSIA. e-mail: felza@iium.edu.my

3 Fakulti Pengajian Islam, Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (UNIPSAS), KM 8 Jalan Gambang, 25150 Kuantan, Pahang, MALAYSIA. e-mail: fadlly@unipsas.edu.my

* Corresponding Author: nhafizi@unisza.edu.my

Abstrak

Pada peringkat awal pengetahuan dan pendedahan Ilmu Qiraat dalam kalangan masyarakat di Malaysia umumnya dan di Terengganu khususnya bermula agak perlahan berbanding dengan ilmu-ilmu agama yang lain. Tambahan pula disiplin ilmu ini kurang diberi perhatian yang sewajarnya oleh kebanyakan masyarakat Islam. Pembelajaran ilmu qiraat hanya tertumpu kepada pelajar-pelajar yang mengambil bidang al-Quran di Mahad Tahfiz dan Universiti sahaja. Sesiapa yang membaca al-Quran dengan riwayat yang berbeza selain daripada riwayat Hafs masih dianggap salah dan tidak menepati bacaan al-Quran yang sahih. Justeru, artikel ini bertujuan mengetengahkan ketokohan Haji Mat Litar dan murid-muridnya yang masyhur dalam pengajaran qiraat Warsy menerusi paparan latar belakang mereka dan sumbangan yang diberikan bidang bacaan al-Quran khususnya qiraat Warsy. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang dilakukan menerusi temu bual dan rujukan dokumentasi. Selain membuat kaedah temu bual, pengkaji turut membuat pemerhatian di tempat pengajaran dan pembelajaran bagi qiraat tersebut. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat pengaruh dan sumbangan yang jelas daripada tokoh-tokoh bacaan Imam Warsy dalam memartabatkan Ilmu Qiraat kepada masyarakat Islam di sekitar Terengganu. Hal ini dapat dikesan terutamanya dalam melahirkan ramai daripada kalangan masyarakat yang mahir dan celik al-Quran serta hebat dalam Ilmu Qiraat. Selain itu, sumbangan dan pengaruh mereka dapat dilihat dengan penubuhan Persatuan Qurra' di Terengganu dan kelas-kelas pengajian al-Quran khusus dalam bidang qiraat yang kekal sehingga kini. Kajian ini banyak memberi implikasi kepada masyarakat Islam melalui teori dan praktikal dalam menyebarkan dan memperluaskan ilmu dalam bidang ini.

Kata kunci: Mat Litar, Warsy, Qiraat, Terengganu

Abstract

In the early stage, the exposure to the Knowledge of Qiraat among the community in Malaysia in general and particularly in Terengganu, started quite slowly compared to another religious knowledge. In addition, this knowledge discipline is not given the attention it deserves by most of the Muslim community. Learning the knowledge of recitation only focuses on students who take the Qur'an in Mahad Tahfiz and University. Anyone who recites the Quran with a different narration other than Hafs narration is still considered wrong and does not conform to the authentic recitation of the Quran. Therefore, this article aims to highlight the prominence of Haji Mat Litar and his famous students in teaching qiraat Warsy through the presentation of their background and the contribution made in the

field of al-Quran narration, especially qiraat Warsy. This is a qualitative study conducted through interviews and documentation references. In addition to making interviews, the researchers also made observations in the teaching and learning location for the qiraat. The study results show a clear influence and contribution from the scholars of Imam Warsy narration in promoting the Knowledge of Qiraat to the Muslim community around Terengganu. This can be seen especially in the number of people within the community who are skilled and literate in the Quran recitation and prominent in the Knowledge of Qiraat. In addition, their contribution and influence can be seen with the establishment of the Qurra' Association in Terengganu and special Quran classes in the field of qiraat that remain until now. This study has many implications for the Muslim community through theory and practice in spreading and expanding knowledge in this field.

Keywords: Mat Litar, Qiraat, Warsy, Terengganu

Cite This Article:

Nor Hafizi Yusof, Nur Aina Nabilah Ahmad Aiman, Felza Zulhibri Abdul Hamid & Muhamad Fadlly Ismail. (2023). Pengaruh dan Sumbangan Haji Mat Litar dalam Pengajaran Qiraat Warsy di Terengganu [The Influence and Contribution of Haji Mat Litar in Teaching Qiraat Warsy in Terengganu]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 6(1): 124-131.

Pengenalan

Ilmu Qiraat ialah satu ilmu yang membicarakan wajah-wajah bacaan di dalam al-Quran. Ilmu ini merupakan ilmu yang terawal yang diajarkan oleh Rasulullah S.A.W. dan menjadi salah satu syarat bagi para mufasir untuk mentafsir al-Quran. Ia merupakan ilmu yang sangat penting untuk diketahui dan dipelajari secara mendalam. Malangnya, ilmu yang menjadi tunggak kefahaman tentang al-Quran ini jarang dibincangkan dan menjadi asing dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia. Ini kerana bidang Ilmu Qiraat tidak dimasyhurkan seperti bidang ilmu yang lain sedangkan ia sudah lama berkembang luas bermula zaman Rasulullah S.A.W. lagi. Hakikatnya, ia bukanlah satu ilmu yang asing bagi umat Islam di Malaysia, bahkan al-Quran yang dibaca sekarang ialah salah satu cabang qiraat tetapi masyarakat Malaysia tidak mengetahuinya.

Namun begitu, akhir-akhir ini didapati pelbagai program yang dianjurkan oleh kerajaan mahupun bukan kerajaan seperti majlis tilawah al-Quran sama ada di peringkat negeri, kebangsaan mahupun antarabangsa. Majlis ini sangat disambut baik kerana ia dapat melahirkan generasi Qurani di era milenial ini serta secara tidak langsung dapat mengembangkan syiar Islam di seluruh pelosok dunia. Walaupun begitu apabila diteliti melalui kebanyakan majlis yang diadakan, bacaan al-Quran itu umumnya hanya tertumpu kepada bacaan yang sudah biasa diamalkan di Malaysia iaitu bacaan mengikut Qiraat 'Asim daripada riwayat Hafs. Skop bacaan seolah-olah disempitkan kepada satu skop bacaan sahaja padahal banyak bacaan qiraat yang telah diajarkan oleh Rasulullah saw. Masyarakat tidak didedahkan dengan pelbagai bacaan qiraat lain yang ada. Secara umumnya dapat disimpulkan bahawa masyarakat Islam di Malaysia tidak biasa mendengar bacaan al-Quran selain dari riwayat Hafs, malah ada yang langsung tidak mengetahui bahawa al-Quran itu boleh dibaca dengan pelbagai bacaan. (Abd Rahman Al-Qari Abdullah, 2003).

Pelbagai pengajian qiraat telah dijalankan di pusat-pusat pengajian sama ada secara formal mahupun secara tidak formal sehingga lahirnya tokoh-tokoh bacaan qiraat terutamanya tokoh-tokoh Qiraat Warsy. Pengajian bacaan qiraat ini banyak dijalankan dalam kalangan masyarakat di pusat pengajian di Terengganu. Hasil kajian terhadap Haji Mat Litar dan murid-muridnya menunjukkan bahawa bacaan al-Quran riwayat Warsy merupakan bacaan al-Quran kedua yang masyhur di Malaysia khususnya Terengganu selepas Qiraat Asim Riwayat Imam Hafis bin Sulaiman.

Riwayat Hidup Haji Mat Litar

Nama sebenar beliau ialah Haji Mohamad bin Haji Awang Kechik, namun lebih dikenali dengan panggilan Haji Mat Litar. Panggilan ini digelar kepada beliau kerana suara beliau yang sangat lantang. Beliau telah dilahirkan pada tahun 1900 di Kelantan (Ahmad Azhar Harun). Beliau kemudiannya berhijrah ke Terengganu menjadi seorang imam sebelum perang dunia ke dua lagi. Menurut murid beliau, Haji Yusuf bin Ismail (29 Februari 2020), beliau dikatakan mempunyai isteri yang ramai kerana ada yang meninggal dunia dan ada yang berpisah. Beliau mempunyai 17 orang anak yang tinggal di sekitar Terengganu dan Kelantan. Malah ada dalam kalangan anak beliau yang tinggal di Kuala Lumpur. Beliau telah meninggal dunia pada tahun 1963 di Kuala Terengganu.

Pendidikan

Haji Mat Litar telah banyak merantau untuk menuntut ilmu dalam bidang al-Quran. Antara tempat yang beliau telah pergi untuk belajar al-Quran ialah di Mekah dan Madinah di samping tempat kelahiran beliau juga iaitu di Kelantan. Beliau banyak belajar ilmu agama dan al-Quran bersama ulama'-ulama' di Mekah dan Madinah. Beliau juga mendapat tunjuk ajar daripada Syeikh Mahmud Khalil al-Husori yang merupakan rakan seperjuangan beliau.

Guru-guru dan Anak-anak Murid

Haji Mohamad bin Haji Awang Kechik atau dikenali sebagai Haji Mat Litar banyak berguru dengan ulama'-ulama' yang hebat di Mekah, Madinah mahupun di Kelantan. Antara guru beliau ialah Syeikh Ibrahim al-Sai'r dan Syeikh Hussein bin Ibrahim al-Suyuti. Haji Mat Litar juga turut menuntut ilmu al-Quran dan qiraat khususnya ilmu tarannum bersama gurunya di Kelantan iaitu Haji Nik Wan bin Tengku Mahmud.

Kepakaran Haji Mat Litar dalam bidang al-Quran telah melahirkan ramai generasi yang mahir al-Quran terutamanya dalam bidang tarannum dan qiraat. Antara anak murid beliau Yusuf bin Ismail, Salleh bin Awang, Rogayah binti Sulong, Yusof bin Abdullah dan sebagainya. Ramai dalam kalangan anak-anak murid termasuklah anak-anak dan cucu-cucu beliau yang menjadi guru dan qari yang pakar dalam bidang al-Quran, tarannum dan qiraat.

Terdapat 2 orang murid beliau yang masyhur dan aktif mengajarkan qiraat warsy iaitu iaitu Haji Yusuf bin Ismail dan Ustaz Haji Sulaiman Ali. Anak murid beliau iaitu Yusuf bin

Ismail sering mendampingi Haji Mat Litar ke mana sahaja beliau keluar untuk menyampaikan ilmu al-Quran terutamanya dalam pembelajaran bacaan al-Quran dalam riwayat Imam Warsy. Menurut Yusuf bin Ismail: “Tok Su sokmo (selalu) ikut dia pergi mana-mana tempat dia ngajar. Bila bulan Ramadhan pula, Tok Su ikut dia pergi istana sebab dia jadi qari di istana tiap-tiap bulan puasa.”

Haji Mat Litar telah banyak mengajar dan berjasa kepada ramai masyarakat sehingga menjadi orang yang hebat dan berjaya. Di Terengganu, jika seseorang itu mengatakan bahawa dia berguru bersama dengan Haji Mat Litar, maka dia merupakan seorang yang disegani oleh masyarakat di sekitar negeri Terengganu.

Haji Yusuf bin Ismail

Beliau ialah Yusuf bin Ismail (Temubual Haji Yusuf Ismail, 29 Februari 2020) dan lebih disenangi dengan nama panggilan sebagai Tok Su. Beliau dilahirkan di Bukit Payong pada tahun 1936. Beliau merupakan anak bongsu daripada lima orang adik beradik. Oleh sebab itu, beliau dikenali dengan panggilan Tok Su ataupun Ayah Su. Beliau telah berkahwin pada tahun 1958 dan dikurniakan lima orang cahaya mata yang juga tinggal di sekitar Kuala Terengganu. Beliau mempunyai seramai 14 orang cucu dan lima orang cicik. Selain membesar di Bukit Payong, beliau juga tinggal di sekitar Terengganu iaitu Kuala Berang, Kampung Telaga, Wakaf tapai dan Sungai Buluh.

Toksu mula menuntut ilmu di Sekolah Sultan Zainal Abidin selama tujuh tahun iaitu dari berumur tujuh tahun sehingga berumur 13 tahun. Antara sekolah yang pernah beliau berkhidmat ialah di Sekolah Pusat Cabang Tiga selama tujuh tahun dan di Sekolah Kebangsaan Bukit Payong juga selama tujuh tahun. Dalam masa yang sama, beliau turut belajar dengan lebih mendalam tentang ilmu al-Quran khususnya ilmu dalam bidang qiraat. Toksu belajar Ilmu Qiraat dalam riwayat Hafs dan Warsy di sebuah surau di Kampung Tanjung, Kuala Terengganu bersama guru beliau yang bernama Haji Mat Litar dari tahun 1952 sehingga tahun 1957. Beliau juga banyak berada di samping guru beliau sepanjang menuntut ilmu.

Di samping belajar Ilmu Qiraat daripada riwayat Warsy bersama dengan Haji Mat Litar, beliau juga banyak belajar usul qiraat dan wajah qiraat bersama dengan Ustaz Sulaiman Ali. Tok Su juga berpeluang belajar bersama beberapa syekh daripada qurra' al-Azhar.

Beliau juga mempunyai anak murid yang ramai kerana pada usia muda beliau banyak mengajar di beberapa pusat pengajian. Anak murid beliau kebanyakannya berasal dari Hulu Terengganu. Tiga daripada anak murid beliau telah berjaya ke peringkat antarabangsa dalam tilawah al-Quran iaitu Siti Aminah Omar, Safiah Mohamad dan Maznah Awang. Ada juga daripada kalangan anak murid Tok Su yang berjaya ke peringkat negeri dan mendapat johan dalam tilawah al-Quran.

Haji Sulaiman Ali

Nama beliau ialah Haji Sulaiman bin Ali (Temubual Haji Che Ku Razak bin Che Ku Mohd 1 Julai 2020). Beliau telah dilahirkan pada 11 Jun 1934 bersamaan 28 Safar 1355 Hijrah iaitu pada hari Isnin. Beliau lahir di Kampung Kuala Ibai, Kuala Terengganu dan menetap di sana.

Haji Sulaiman mula mendirikan rumah tangga dengan Ustazah Noriah binti Haji Su setelah berumur dalam lingkungan 30-an. Beliau seorang sangat gemar mempelajari dalam bidang Ilmu Qiraat sehingga dapat mengajar dan menghasilkan sebuah buku khusus berkaitan dengan Qiraat Nafi' daripada riwayat Warsy. Sehingga kini buku tersebut digunakan oleh anak-anak murid beliau untuk meneruskan pembelajaran bacaan al-Quran mengikut riwayat Imam Warsy

Beliau mula belajar al-Quran dari ayah beliau selaku imam di Masjid Kolam, Kuala Ibai, Kuala Terengganu. Beliau belajar di Sekolah Melayu Kuala Ibai pada tahun 1942 sehingga berusia 9 tahun dan seterusnya menyambung pelajaran ke Sekolah Agama Sultan Zainal Abidin Ladang Kuala Terengganu. Beliau mula mempelajari al-Quran dengan Tuan Haji Muhammad bin Awang Kechik iaitu lebih dikenali sebagai Haji Mat Litar pada tahun 1943 sehingga 1950. Pada masa itu, Haji Sulaiman pernah mendapat johan membaca al-Quran di peringkat sekolah-sekolah agama Terengganu.

Setelah itu, beliau melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi di Mekah iaitu di Sekolah Menengah al-Falah Mekah al-Mukarramah. Kemudiannya bertukar ke Sekolah Menengah al-Mahaad al-Ilmi al-Saudi bermula pada tahun 1953. Selepas itu, Haji Sulaiman menyambung pelajaran di Kuliah al-Syariah di Mekah dan terus melanjutkan pelajaran lagi ke Universiti al-Azhar, Mesir. Di sana beliau mengambil jurusan dalam bidang Perundangan Islam setelah mendapat biasiswa Duli Yang Maha Mulia Sultan Ismail Nasiruddin Shah, Terengganu pada tahun 1960.

Haji Sulaiman sangat gemar mempelajari ilmu agama dan telah mengambil peluang ketika keberadaan beliau di Mekah dengan menekuni riwayat Warsy di hadapan beberapa guru al-Quran. Antara guru-guru beliau ialah Syeikh Abdullah Tantawi dan Syeikh Muhammad Ali yang merupakan guru di Maahad Qiraat di Mesir. Selain itu ialah Syeikh Ibrahim Yusuf Ibrahim Badar dan Syeikh Muhammad Imam. Mereka merupakan guru di Maahad Tahfiz al-Quran Terengganu yang berasal dari Mesir. Haji Sulaiman telah dianugerahkan oleh guru beliau iaitu Syeikh Ibrahim, sijil khatam al-Quran dalam Qiraat Nafi' daripada riwayat Warsy pada tahun 1994.

Selain guru-guru beliau yang berasal dari Negara Arab Saudi, beliau juga menuntut ilmu al-Quran dan qiraat daripada Haji Mat Litar selama lapan tahun iaitu bermula dari beliau berumur 10 tahun sehingga berumur 17 tahun.

Haji Sulaiman bin Ali mempunyai ramai anak murid kerana beliau telah banyak berkhidmat sebagai guru al-Quran dan qiraat di banyak tempat. Namun, terdapat tiga orang anak muridnya yang sangat mahir dalam Ilmu Qiraat. Mereka bukan sahaja mahir dalam membaca al-Quran mengikut Qiraat Nafi' daripada riwayat Warsy, malah mereka diberi kepercayaan oleh haji Sulaiman untuk mengajar al-Quran mengikut riwayat Warsy kepada sesiapa sahaja yang berminat untuk mendalami bacaan tersebut. Anak-anak murid beliau ialah Haji Che Ku Razak bin Che Ku Mohd, Haji Ismail bin Embong dan Haji Rashid bin Alias.

Anak murid Haji Sulaiman yang berjaya khatam al-Quran dengan bacaan Qiraat Nafi' daripada riwayat Warsy sebanyak 10 kali ialah Haji Che Ku Razak bin Che Ku Mohd. Menurut Haji Rashid (1 Julai 2020), beliau juga mengajar Qiraat Nafi' riwayat Warsy sudah bertahun-tahun lagi sehingga sekarang. Dahulunya, beliau sangat tekun dan mempunyai azam yang tinggi dalam mendalami ilmu ini sehinggakan beliau membeli banyak buku-buku yang berkaitan dengan Ilmu Qiraat dan belajar daripada awal bermula dengan makhraj huruf, sifat huruf dan

sebagainya. Dengan berkat kesungguhan dan semangat yang tinggi, beliau berjaya khatam al-Quran dan diberi sijil syahadah oleh Haji Sulaiman sebagai tanda kebenaran untuk mengajar Qiraat Nafi' daripada riwayat Warsy kepada orang lain. Menurut beliau: "Saya belajar Qiraat Nafi' daripada riwayat Warsy secara terus dengan dia. Sebelum belajar dia sentiasa bagi nasihat dan semangat supaya saya boleh betul-betul mahir dalam bacaan riwayat Warsy. Dengan sebab dia sokmo (selalu) bagi nasihat kepada saya, saya jadi semangat nak belajar."

Sumbangan Haji Mat Litar

Haji Mat Litar telah banyak berjasa kepada masyarakat di seluruh Negeri Terengganu kerana sumbangan beliau yang banyak dalam bidang al-Quran. Antara sumbangan beliau dalam melahirkan masyarakat yang mahir dalam ilmu al-Quran ialah beliau menjadi guru al-Quran di Sekolah Menengah Agama Sultan Zainal Abidin di Ladang, Kuala Terengganu. Beliau mengajar anak-anak murid di sekolah tersebut yang berumur dalam lingkungan tujuh hingga 13 tahun. Kelas al-Quran waktu pagi di sekolah tersebut diadakan sebanyak dua hari seminggu.

Pada tahun 1930-an, Haji Mat Litar adalah antara guru agama yang aktif menyampaikan pengajaran al-Quran, tajwid, *fasahah* dan tarannum di Terengganu. Selain daripada masjid Abidin, beliau juga aktif mengajar al-Quran dan tarannum di surau berdekatan dengan rumah beliau yang terletak di Kampung Tanjung Kapur, Kuala-Terengganu yang bernama surau Hj Awang Abbas. Surau tersebut dinamakan demikian sempena nama tuan tanah tersebut. Namun begitu, surau tersebut juga dikenali oleh penduduk kampung di situ dengan nama Surau Haji Mat Litar. Surau tersebut melahirkan tokoh al-Quran dan tarannum yang ramai. Haji Mat Litar aktif mengajar di surau berhampiran dengan rumah beliau antara tahun 1952 hingga 1957. Antara murid yang terkenal ialah Dato' Hajjah Rogayah binti Sulong dan Haji Megat Othman Bin Megat Chik, qari Mohamad Nor bin Mohamad iaitu sepupu kepada Dato' Hajjah Rogayah binti Sulong, Hajjah Wook binti Hassan dan Haji Salleh bin Awang (Najmiah Omar 2017)

Selain mengajar al-Quran mengikut riwayat Imam Warsy, Haji Mat Litar turut mengajar bacaan al-Quran mengikut riwayat yang diamalkan di negara ini iaitu riwayat Imam Hafis dan ilmu-ilmu lain yang berkaitan tajwid, tarannum dan juga *fasahah* di surau tersebut. Haji Mat Litar sangat bergiat aktif menyampaikan ilmu al-Quran di surau itu dari tahun 1952 sehingga tahun 1957. Ramai anak-anak murid Haji Mat Litar yang belajar di situ sehingga dapat melahirkan tokoh-tokoh al-Quran dan tarannum yang hebat dan disegani oleh ramai masyarakat. Surau Haji Mat Litar ini masih lagi bergiat aktif dengan pelbagai pembelajaran tentang ilmu agama dan al-Quran oleh anak-anak murid kepada Haji Mat Litar.

Haji Mat Litar juga dilantik menjadi imam di Masjid Sultan Zainal Abidin atau dikenali oleh masyarakat dengan Masjid Putih selama 26 tahun iaitu ketika beliau berusia 27 tahun bermula pada bermula pada 26 Oktober 1927 sehingga 1 November 1953 (Muhammad Saleh Haji Awang, 1992). Selain bacaan al-Quran beliau yang fasih dan makhraj serta sifat huruf yang betul, beliau juga mempunyai suara yang sangat kuat dan terang sehingga dapat didengari oleh makmum-makmum yang berada di saf yang paling belakang ketika mengimamkan solat di masjid tersebut. Sepanjang bertugas menjadi imam di masjid, beliau sering mengambil peluang untuk memahamkan dan mengingatkan masyarakat akan kepentingan ilmu agama. Beliau turut mengajar al-Quran setiap kali selepas zuhur.

Di samping itu, Haji Mohamad bin Haji Awang Kechik atau lebih dikenali dengan Haji Mat Litar juga adalah seorang qari di Istana Negeri Terengganu semasa Sultan Ismail Nasiruddin Shah menjadi raja di Terengganu yang juga merupakan nenda kepada Sultan Mizan. Setiap kali apabila menjelang Bulan Ramadhan, Sultan Ismail Nasiruddin Shah sentiasa menjemput Haji Mat Litar serta rakan-rakan seperjuangan beliau untuk hadir ke Istana Negeri Terengganu bagi mengalunkan bacaan ayat-ayat suci al-Quran secara bertarannum. (Temubual Haji Yusuf bin Ismail, 29 Februari 2020)

Di samping itu, Haji Mat Litar juga sering dijemput untuk menjadi qari bagi memperdengarkan bacaan ayat-ayat suci al-Quran secara bertarannum dalam majlis-majlis rasmi seperti upacara keagamaan dan sebagainya. Ketika pemerintahan Sultan Ismail Nasiruddin Shah juga, Haji Mat Litar menjadi imam di Istana Negeri Terengganu pada setiap hari Jumaat dan beliau juga dijemput oleh sultan dengan kereta istana untuk menjadi imam di mana-mana sahaja masjid mengikut keinginan sultan bagi menunaikan Solat Jumaat. Oleh kerana itu, Haji Mat Litar bukan sahaja menjadi kesayangan bagi masyarakat yang cinta al-Quran di sekitar Terengganu, bahkan beliau juga menjadi qari dan imam kesayangan sultan pada ketika itu. . (Temubual Haji Yusuf bin Ismail, 29 Februari 2020)

Oleh kerana Haji Mat Litar seorang yang berpengaruh dalam ilmu al-Quran dan qiraat, beliau telah mengambil inisiatif untuk menubuhkan sebuah persatuan bagi memartabatkan lagi ilmu al-Quran, qiraat serta tarannum di Terengganu. Beliau telah menubuhkan satu persatuan yang dinamakan Persatuan Qurra' Terengganu yang ahlinya terdiri daripada anak-anak murid Haji Mat Litar sendiri yang telah khatam al-Quran bersama dengan beliau. Persatuan ini diasaskan oleh Haji Mat Litar bagi melahirkan masyarakat yang mahir al-Quran tidak kira dari segi qiraat, tajwid mahupun tarannum serta dapat melahirkan masyarakat yang mampu membaca al-Quran dengan betul mengikut manhaj yang telah diterapkan oleh Haji Mat Litar.

Kesimpulan

Pengajian tentang Ilmu Qiraat sudah banyak diperkenalkan dalam kalangan rakyat di Negeri Terengganu terutama dalam kalangan para ilmuwan agama, namun pendedahan Ilmu Qiraat yang diberikan kepada masyarakat itu tidak menyeluruh seperti ilmu-ilmu agama yang lain. Tambahan pula ilmu dalam bidang qiraat ini hanya diberikan tumpuan kepada metode bacaan sahaja tanpa melihat ke arah yang lebih mendalam, malahan disempitkan kepada bacaan al-Quran mengikut qiraat-qiraat yang tertentu sahaja. Walaupun ada tempat-tempat pengajian yang sedikit sebanyak menyentuh kepada Ilmu Qiraat yang lebih mendalam, namun skop perbahasannya tidak secara menyeluruh.

Berdasarkan pemerhatian sepanjang menjalani kajian, tidak dinafikan bahawa terdapat sebilangan ilmuwan Islam yang mahir dalam bidang qiraat khususnya dalam bacaan al-Quran daripada riwayat Warsy di Terengganu ini seperti Haji Mohamad bin Haji Awang Kechik, Haji Sulaiman bin Ali dan Yusuf bin Ismail. Mereka sudah lama menabur jasa dan bakti kepada masyarakat di sekitar negeri ini dalam mengembangkan Ilmu Qiraat. Bahkan, mereka menjadi penggerak kepada perkembangan Ilmu Qiraat pada suatu ketika dahulu dan seterusnya sudah pasti disambung oleh ramai daripada kalangan anak-anak murid mereka sehingga kini. Namun, masih lagi tiada dalam kalangan masyarakat Melayu yang betul-betul layak digelar seorang

ulama' yang *alim kabir* dalam bidang Ilmu Qiraat sebagaimana kelahiran tokoh-tokoh yang alim di negara jiran.

Tokoh-tokoh ilmuwan ini yang menjadi penyambung kepada perkembangan Ilmu Qiraat daripada riwayat Warsy di negara ini. Dengan adanya ilmuwan seperti ini, dapat membuka mata dan minda masyarakat tentang kepelbagaian cabang ilmu al-Quran yang bukan hanya pada ilmu tajwid semata-mata bahkan ilmu al-Quran yang lebih luas meliputi cabang-cabang ilmu yang lain khususnya ilmu dalam bidang qiraat.

Rujukan

- Abd. Rahman al-Qari bin Abdullah (2003) *Bacaan al-Quran Mengikut Qiraat Nafi'*: Kajian di Maahad Tahfiz al-Quran Pulau Chondong, Kelantan. Universiti Malaya.
- Ahmad Azhar Harun. (2014). *Biografi Tokoh-tokoh Pentadbiran Islam Terengganu*. Kuala Terengganu Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) Terengganu.
- al-Husari, Mahmud Khalil. (1965). *Ahsan al-Athar fi Tarikh al-Qurra' al-Arba'ah 'Ashar*. Kaherah, Mesir: Shirkah al-Shamrali.
- Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat*. (2005). Kamus Melayu. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka
- Nor Hazrul Mohd Salleh. (2009). *Imalah dan Tashil dalam Riwayat Warsy: Satu Analisis Fonetik*. Tesis Ijazah Sarjana. Universiti Malaysia.
- Panduan Penulisan Akademik Fakulti Pengajian Kontemporari Islam*. (2017). Universiti Sultan Zainal Abidin.
- Muhammad Saleh Awang. (1992). *Sejarah Darul Iman Hingga 1361H=1942M*, cet. Ke-3 1992. Kuala Terengganu: Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Terengganu.
- Najmiah Omar & Fatimah Zaharah Ismail. (2017). *Sumbangan Haji Mat Litar dalam Pengajaran Al-Quran di Terengganu*, Proceeding of International Conference of Empowering Islamic Civilization. Universiti Sultan Zainal Abidin UniSZA Terengganu.
- Che Ku Razak Che Ku Mohd. (2 Julai 2020). *Sumbangan Haji Mat Litar Terhadap Qiraat Warsy*. (temubual)
- Rashid bin Alias. (1 Julai 2020). *Sumbangan Haji Mat Litar Terhadap Qiraat Warsy*. (temubual)
- Yusuf bin Ismail. (29 Feb 2020) *Sumbangan Haji Mat Litar Terhadap Qiraat Warsy*. (temubual)